

03/11/2001

Pengeboman Afghanistan bukan cara atasi masalah pengganas: TPM

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini, berkata kerajaan tegas dalam pendiriannya menggesa Amerika Syarikat menghentikan pengeboman terhadap Afghanistan, khususnya pada bulan Ramadan kerana semakin ramai orang awam terkorban.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Malaysia amat bimbang tindakan ketenteraan semakin banyak tersasar dan mengorbankan lebih ramai nyawa orang awam berbanding kumpulan sasaran, sama ada tentera Taliban dan anggota al-Qaeda yang didakwa dipimpin Osama bin Laden.

"Walaupun Amerika mengakui beberapa kesilapan sasaran pengeboman, orang awam Afghanistan telah menderita dan jika pengeboman terus dilakukan dalam Ramadan, ini tentunya memberikan reaksi tidak baik di kalangan umat Islam," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) ke-28 dan Permodalan Peladang Bhd ke-7 di Hotel Legend di sini.

Beliau berkata, Ramadan adalah bulan suci umat Islam dan harus dihormati.

Abdullah berkata, tindakan mengebom Afghanistan bukan cara mengatasi masalah pengganas, malah gerakan pengeboman itu sehingga kini tidak mencapai matlamat, sebaliknya telah menghancurkan penempatan awam, hospital serta setor ubat Persatuan Bulan Sabit Merah.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan juga menghargai sokongan yang diberikan oleh Nafas terhadap pendirian kerajaan yang menggesa Amerika menghentikan tindakan ketenteraan terhadap Afghanistan.

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar menyatakan kebimbangan terhadap tindakan ketenteraan Amerika dan sekutunya terhadap Afghanistan.

"Kita bimbang dalam Amerika sibuk membuat serangan bom di Afghanistan, lebih ramai orang awam menjadi mangsa daripada matlamat asal serangan untuk menghapuskan pengganas serta rangkaian pengganas," katanya pada sidang akhbar selepas majlis penyampaian Tabung Mangsa Gempa Bumi Gujerat, India oleh akhbar New Straits Times (NST) kepada kerajaan India di Auditorium Wisma Putra di sini, petang ini.

Tabung Mangsa Gempa Bumi Gujerat yang dilancarkan NSTP sejak 1 Februari lalu, berjaya mengumpul RM406,000 dan diserahkan kepada Duta Besar India ke Malaysia, Veena Sikri.

Pada majlis itu juga, Persatuan Bekas Tentera dan Persatuan Keluarga Polis (Perkep) turut menyumbangkan sumbangan makanan dan selimut bagi membantu Tabung Ehsan Pelarian Afghanistan kepada Wisma Putra.

Turut hadir, Presiden Persatuan Bekas Tentera, Datuk Muhammad Abdul Ghani; Timbalan Pengerusi Perkep, Puan Seri Zahrah Seruji dan Pengarang Berita NST, Balan Moses yang mewakili Pengarang Kumpulan NSTP, Datuk Ahmad Talib.

Syed Hamid turut mengumumkan jumlah tabung pelarian Afghanistan sudah mencapai RM5.1 juta yang mana RM3.8 juta adalah sumbangan kerajaan.

Mengenai kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam temubual bersama British Broadcasting Corporation (BBC) berhubung cubaan kumpulan militan tempatan menyerang askar marin Amerika yang mendarat di negara tidak lama dulu, Syed Hamid berkata, cubaan itu berjaya dipatahkan sebelum serangan dilancarkan.

Ditanya sama ada isu keganasan akan dibincangkan pada Sidang Kemuncak Asean ke-7 di Brunei pada 5 dan 6 November ini, Syed Hamid berkata:

"Selain isu HIV/Aids, isu keganasan juga akan turut dibincangkan tetapi terpulang kepada ketua negara Asean sama ada satu kenyataan bersama akan dibuat," katanya.

(END)